

# 'Kami kena cepat selamatkan nyawa'

Pemandu ambulans minta laluan alternatif dibuka segera atasi kesesakan lalu lintas di hadapan Hospital Banting

**BANTING** - "Kami rasa sudah tiba masanya laluan ambulans ni diberikan perhatian demi menyelamatkan nyawa pesakit," demikian luahan seorang pemandu ambulans Hospital Banting berhubung isu laluan alternatif ke pintu masuk hospital berkenaan.

S Anbalagan, 51, berkata, dia mewakili pemandu ambulans menggesa laluan alternatif yang menghubungkan Hospital Banting ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat dibuka bagi melancarkan laluan ambulans berikutan terdapat lampu trafik antara dua bangunan berkenaan.

Menurutnya, dia pernah menunggu hampir 30 minit untuk menunggu kenderaan berhenti bagi membolehkan ambulans dipandu melintas keluar hospital.

"Saya bawa pesakit dalam ambulans, masa itu trafik tengah sesak dan saya terpaksa buka tingkap minta pe-



Dr Sabrina mendengar luahan pemandu ambulans di pejabat operasi mereka.

sebabkan rungutan hospital dan orang awam yang menggunakan perkhidmatan di Hospital Banting, permohonan susulan dibuat kepada ketua polis daerah sebagai usaha membantu melancarkan trafik di laluan hadapan hospital dan IPD.

## Gesa timbang semula permohonan

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, kesesakan lalu lintas di hadapan Hospital Banting itu perlu diberi perhatian semula.

Menurutnya, IPD diharapkan dapat memberi kerjasama menimbang semula permohonan tersebut apabila melihat keadaan agak kritikal pada waktu puncak.

Katanya, hanya dengan kelulusan IPD Kuala Langat boleh membantu



mandu lain berhenti beri laluan. Masa tu baru ada yang faham, tapi ada juga yang buat-buat tak faham.

"Saya terpaksa buat macam tu sebab pemandu lain tak peka walaupun kita dah bunyikan siren, beri arahan minta ke tepi," katanya.

Bagi Mohd Asmar Wayni, 42, dia masih berdepan masalah sama seperti pengalamannya sembilan tahun berkhidmat membawa ambulans Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

"Di Hospital Banting juga saya hadapi masalah sama. Kesesakan lalu lintas memang tak boleh elak kecuali ada laluan alternatif dan lampu isyarat.

"Dekat sini ada laluan alternatif, cuma tak dapat kelulusan... jadi kalau dapat kelulusan tu nanti sedikit sebanyak risiko kemalangan dapat dikurangkan. Malah, lalu lintas sesak pun tak jadi masalah," katanya.

#### Permohonan sudah dibuat

Sementara itu, Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman berkata, pihaknya ada memohon kerjasama IPD Kuala Langat melalui ketua polisnya untuk memberi kelulusan membuka laluan alternatif bagi memudahkan orang awam keluar dari pekarangan hospital.

Menurutnya, risiko kemalangan di hadapan hospital terus menjadi jadi disebabkan sikap kurang sabar pemandu.

"Saya sudah turun ke lokasi melihat sendiri perjalanan lalu lintas, ternyata kenderaan mengambil masa 15 hingga 25 minit untuk keluar pada waktu puncak.

"Sekiranya laluan alternatif itu di-



Pemandu dari arah Morib ke Banting perlu menghentikan kenderaan mereka sebelum petak kuning untuk memberi laluan kepada ambulans.

buka ia akan dapat membantu melancarkan perjalanan trafik, sekaligus memberi keselesaan kepada semua pihak," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting, Abdul Razak Khasbullah berkata, permohonan membuka laluan alternatif menghubungkan laluan dari Hospital Banting ke IPD Kuala Langat itu dilakukan sejak dua tahun lalu.

Katanya, ALP bersama pengurusan hospital telah menghantar permohonan kepada pelbagai jabatan, termasuk pegawai daerah, jurutera daerah, Yang Dipertua MDKL bagi mendapatkan komen untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah.

"Keputusan masa tu memang

menyokong cuma terpulang kepada IPD untuk memberi keputusan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna termasuk pelanggan hospital.

"Kita hanya nak kenderaan dari hospital, terutama ambulans yang membawa pesakit senang keluar tanpa terpaksa menunggu lama di pintu keluar," katanya.

Difahamkan, jarak pintu keluar hospital dengan lampu isyarat itu dianggarkan 50 meter sahaja.

Dalam pada itu, Abdul Razak berkata, sebelum ini permohonan sama dipanjangkan kepada ketua polis daerah terdahulu, namun tidak diluluskan.

Bagaimanapun katanya, di-

mengatasi kesesakan berkenaan.

"Saluran peruntukan sebenarnya tak ada masalah, kita boleh cuba... banyak saluran demi menjamin keselamatan semua pihak.

"Apa yang penting laluan alternatif itu dapat dibuka bagi kegunaan kenderaan keluar dari hospital, terutama ambulans yang bawa pesakit," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* beberapa kali melaporkan isu berkenaan, namun tiada kelulusan menyebabkan masalah semakin menjadi-jadi.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* akan mendapatkan maklum balas Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir mengenai isu ini dalam masa terdekat.



Laluan sesak menyebabkan ambulans mengalami kesukaran keluar masuk hospital.